

**Series BRH**

**Code No. 19**

Candidates must write the Code on the title page of the answer-book.

Roll No.

|  |  |  |  |  |  |  |
|--|--|--|--|--|--|--|
|  |  |  |  |  |  |  |
|--|--|--|--|--|--|--|

- Please check that this question paper contains **25** printed pages.
- Code number given on the right hand side of the question paper should be written on the title page of the answer-book by the candidate.
- **Please write down the Serial Number of the question before attempting it.**
- 15 minutes time has been allotted to read this question paper. The question paper will be distributed at 10.15 a.m. From 10.15 a.m. to 10.30 a.m., the students will read the question paper only and will not write any answer on the answer-book during this period.

**SUMMATIVE ASSESSMENT - II**

**BAHASA MELAYU**

*Time allowed : 3 hours*

*Maximum Marks : 80*

*Masa : 3 jam*

*Markah : 80*

## JANGAN BUKA KERTAS SOALAN SEHINGGA DIBERITAHU

1. Kertas soalan ini mengandungi empat bahagian iaitu **Bahagian A**, **Bahagian B**, **Bahagian C** dan **Bahagian D**.
2. **Bahagian A** terdiri daripada soalan 1 yang mengandungi empat bahagian iaitu ( i ), ( ii ), ( iii ), dan ( iv ). Anda wajib menjawab kesemua bahagian tersebut.
3. **Bahagian B** terdiri daripada soalan 2 yang mengandungi tiga bahagian iaitu ( i ), ( ii ), dan ( iii ). Anda dikehendaki menjawab semua soalan.
4. **Bahagian C** terdiri daripada soalan 3, soalan 4, dan soalan 5 yang mengandungi 25 soalan tatabahasa berbentuk objektif. Jawab semua soalan.
5. **Bahagian D** terdiri daripada soalan 6 dan soalan 7 yang mengandungi dua soalan komsas berbentuk objektif dan soalan 8 dan soalan 9 yang mengandungi dua soalan komsas berbentuk subjektif. Anda diminta menjawab semua soalan.
6. Anda dinasihati supaya mengambil masa **50 minit** untuk menjawab **Bahagian A**, **40 minit** untuk **Bahagian B**, **40 minit** untuk **Bahagian C** dan **30 minit** untuk **Bahagian D**.
7. Jawapan hendaklah ditulis dalam kertas jawapan yang disediakan.
8. Anda diberi 15 minit untuk membaca kertas soalan. Anda **tidak** dibenarkan menulis atau membuat sebarang catatan dalam tempoh ini.
9. Kertas soalan ini mengandungi 21 muka surat sahaja.

**SOALAN 1**

**(i) Baca cerita di bawah ini. Kemudian, jawab soalan-soalan yang berikutnya.**

**(5 Markah)**

Mesyuarat Kelab Kembara baru saja berakhir. Ginang telah dilantik oleh Cikgu Idrus sebagai ketua ekspedisi rimba yang akan dijalankan. Husaini dan beberapa orang rakannya berasa kecewa. Kekecewaan mereka bukanlah disebabkan oleh rasa iri hati terhadap Ginang, tetapi terhadap cara Cikgu Idrus menilai keupayaan mereka.

“ Saya kurang bersetujulah dengan cara Cikgu Idrus tadi. Beliau sepatutnya membuat pemilihan dengan bijak dan adil,” kata Husaini kepada Rafik dan Sudin.

“Yalah. Mentang-mentang Ginang tu berbadan besar, kita yang kecil-kecil ini langsung tidak dipandangnya,” Rafik meluahkan kekecewaannya.

“ Apa yang harus kita buat, Husaini?” tanya Sudin pula.

“ Rasa saya tidak ada faedahnya kita merungut-rungut saja. Pelantikan telah dibuat dan kita perlu akur. Kita perlulah bekerjasama dengan sepenuh hati. Harap-harap Ginang akan menjadi seorang ketua yang baik.”

Apabila tiba hari yang dinantikan, ekspedisi rimba pun bermula. Husaini dan rakan-rakannya yang lain sentiasa mengikut arahan yang diberikan oleh Ginang. Mereka sedikit pun tidak menunjukkan rasa marah atau kecewa. Sebaliknya, mereka sentiasa saja tolong-menolong, bagai aur dengan tebing.

Pada suatu hari, mereka tiba di sebatang sungai yang agak dalam airnya. Untuk menyeberangi sungai itu mereka terpaksa meniti sebatang kayu. Keadaan agak berbahaya kerana batang kayu itu sangat licin.

Tiba-tiba, sesuatu yang tidak diduga akhirnya berlaku. Rafik tergelincir lalu jatuh ke dalam sungai.

Ginang tidak tahu berbuat apa-apa. Dia sudah mati akal. Hendak terjun ke dalam sungai tersebut, dia berasa takut. Dia hanya memperhatikan saja anak buahnya itu terkapai-kapai dibawa arus.

Mujurlah Husaini cepat bertindak. Dia menyuruh Sudin mencari sebatang kayu yang panjang. Tanpa rasa gentar, dia terjun ke dalam sungai. Dia memaut badan rakannya itu lalu berenang ke arah batang kayu yang dihulurkan oleh Sudin. Akhirnya Rafik berjaya diselamatkan.

Cikgu Idrus terpegun melihat kejadian itu. Beliau tidak menyangka bahawa Husaini yang bertubuh kecil itu sungguh berani dan tinggi semangatnya.

“Kecil-kecil lada api, besar-besar-besar lada abung.” Itulah kata-kata yang terkeluar dari mulut Cikgu Idrus sewaktu ingin mengucapkan tahniah kepada Husaini dan Sudin.

- i. Mengapakah Husaini dan rakan-rakannya kecewa?
  - A kerana tidak suka akan sikap Ginang yang sombong
  - B kerana tidak terpilih menyertai ekspedisi rimba
  - C kerana tidak bersetuju dengan cara pemilihan ketua ekspedisi rimba
  - D kerana gagal menunjukkan kemampuan kepada Cikgu Idrus
  
- ii. Apakah faktor yang mungkin dinilai oleh Cikgu Idrus untuk memilih Ginang sebagai ketua ekspedisi rimba?
  - A kebijaksanaan
  - B ketahanan mental
  - C keberanian
  - D sifat fizikal
  
- iii. Apakah nasihat Husaini kepada rakan-rakannya?
  - A membantah pelantikan Ginang sebagai ketua ekspedisi
  - B memulaukan kegiatan ekspedisi yang akan dijalankan
  - C memberikan sokongan yang padu kepada Ginang
  - D mengadukan hal tersebut kepada Guru Besar

- iv. Apakah faktor yang menunjukkan bahawa Ginang bukanlah seorang ketua ekspedisi yang baik?
- A sikapnya yang selalu memberikan arahan
  - B sifatnya yang penakut dan mudah panik
  - C hobinya yang suka menyertai kegiatan lasak
  - D hubungan baik yang dijalinakannya dengan Cikgu Idrus
- v. Apakah yang dimaksudkan oleh peribahasa “kecil-kecil lada api, besar-besar lada abung”?
- A lebih baik kecil tetapi berani daripada besar tetapi penakut
  - B orang berani biasanya kecil, tetapi orang yang penakut biasanya besar
  - C tidak guna bertubuh kecil dan berani, tetapi biarlah bertubuh besar walaupun penakut
  - D jangankan yang kecil, yang besar pun selalunya penakut

(ii) Baca cerita di bawah ini. Kemudian, jawab soalan-soalan yang berikutnya.

(5 Markah)

Suasana di rumah Encik Kamal agak sibuk. Banyak jiran yang datang ke rumahnya. Walaupun majlis perkahwinan anak perempuannya Shakila, akan berlangsung seminggu lagi, Encik Kamal telah menjemput orang kampung bermesyuarat di rumahnya.

Ketua kampung, Encik Ibrahim telah mempengerusikan mesyuarat itu. Mereka berbincang tentang pembahagian kerja yang akan dilakukan seperti melapah daging lembu, memasak, mendirikan khemah, membasuh pinggan-mangkuk, dan sebagainya.

Pada petang Sabtu, sehari sebelum majlis perkahwinan dijalankan, kemeriahan majlis mula dirasakan. Kaum wanita sibuk di dapur. Mereka mengupas bawang, kentang, merebus telur, dan sebagainya. Sementara kaum lelaki pula sibuk dengan tugas-tugas mendirikan khemah.

Perancangan teliti yang diatur menjadikan majlis perkahwinan berjalan lancar. Tugas-tugas mengangkat hidangan dilakukan oleh golongan muda. Begitu juga dengan tugas mengemas

dan membersihkan meja. Tuan rumah sibuk melayan tetamu yang datang berkunjung. Pasangan mempelai tersenyum simpul bersanding di atas pelamin yang direka khas.

Kira-kira pukul 5.00 petang, keadaan di rumah pengantin mulai lengang. Para tetamu mula beredar meninggalkan majlis kenduri itu. Sungguhpun begitu, petugas-petugas masih lagi meneruskan kerja masing-masing sehingga selesai.

Encik Kamal dan isterinya sungguh gembira.. Hal ini demikian kerana orang-orang kampung dan saudara mara mereka banyak menghulurkan bantuan. Konsep “berat sama dipikul, ringan sama dijinjing” yang diamalkan telah memungkinkan majlis perkahwinan tersebut berjalan dengan lancar dan sempurna.

- i. Pada hari apakah majlis perkahwinan Shakila diadakan?
  - A. Sabtu
  - B. Ahad
  - C. Isnin
  - D. Selasa
  
- ii. Apakah tujuan Encik Kamal memanggil orang kampung bermesyuarat di rumahnya?
  - A. untuk mengumumkan berita perkahwinan anaknya
  - B. untuk menyuruh orang kampung memulakan tugas mereka
  - C. untuk membahagi-bahagikan tugas yang patut dilakukan
  - D. untuk mengeratkan perhubungan sesama mereka
  
- iii. Siapakah sibuk melayan tetamu semasa berlangsungnya majlis perkahwinan itu?
  - A. Encik Kamal
  - B. Encik Ibrahim
  - C. Shakila
  - D. Orang kampung

- iv. Berat sama dipikul, ringan sama dijinjing bermaksud...
- A. barang yang berat hendaklah diangkat bersama-sama.
  - B. segala kesusahan dan kesenangan sama-sama ditanggung.
  - C. sesuatu kerja mestilah dilakukan mengikut perancangan yang betul.
  - D. bertolak-ansur dalam membuat sesuatu pekerjaan.
- v. Tugas-tugas yang berikut dilakukan sebelum majlis perkahwinan dilangsungkan kecuali...
- A. mengangkat hidangan.
  - B. mendirikan khemah.
  - C. mengupas bawang.
  - D. merebus telur.

(iii) Baca surat kiriman di bawah ini. Kemudian, jawab soalan-soalan yang berikutnya.

(5 Markah)

12, Jalan Kebun Bunga,  
Kampung Alur Rumbia,  
83000 Batu Pahat,  
Johor Darul Takzim.  
12 November 2001.

Menemui sahabatku, Ariana yang kini berada di Segamat, semoga beroleh kesejahteraan sentiasa.

Saudari,

Apa khabar saudara sekarang? Harapan saya agar saudara sekeluarga dalam keadaan sihat sejahtera. Bagi pihak diri saya sekeluarga, kami sihat-sihat saja.

Masih ingatkah saudara pada dusun buah-buahan ayah saya? Kira-kira dua tahun yang lalu, ketika pertama kali saudara berkunjung ke sini, saudara telah dibawa melawat ke dusun ayah saya. Pada ketika itu, pokok buah-buahan masih belum berbuah. Banyak kerja yang kita lakukan bersama. Kita menebas lalang, menabur baja, membuat batas, dan sebagainya. Saudari pernah menyatakan bahawa jika pokok-pokok itu berbuah, saudarilah orang pertama yang mahu menikmati keenakan buah-buahan di dusun itu.

Kata-kata saudara itu masih segar di ingatan saya. Oleh sebab itulah, saya menulis surat ini. Saya ingin mengundang saudara datang ke rumah saya. Hal ini demikian kerana pokok buah-buahan di dusun ayah saya sedang lebat berbuah. Dalam masa seminggu dua ini, buah-buahan tersebut akan masak ranum. Saya pasti bahawa saudara akan berasa cukup gembira. Saudari bukan saja boleh makan buah-buahan tersebut sepuas-puasnya tetapi juga dapat melihat hasil titik peluh saudara sendiri.

Oh, ya! Baru-baru ini, ayah didatangi oleh beberapa orang pemborong dari bandar. Mereka ingin membeli buah-buahan ayah dengan harga yang tinggi. Menurut mereka, permintaan terhadap buah-buahan tempatan terutamanya daripada pengusaha-pengusaha hotel cukup menggalakkan. Nampaknya, usaha kita berbudi kepada Bumi memang tak merugikan. Bak kata peribahasa, berakit-rakit ke hulu, berenang-renang ke tepian, bersakit-sakit dahulu, bersenang-senang kemudian.

Rasanya cukuplah setakat ini coretan saya. Diharapkan agar saudara sudi menerima undangan ini. Akhir kata, sambutlah salam mesra untuk saudara sekeluarga di sana. Sekian, terima kasih.

Yang benar,

Zaleha

- i. Mengapakah Zaleha menulis surat kepada Ariana?
- A untuk bertanyakan khabar Ariana
  - B untuk menjemput Ariana datang ke rumahnya
  - C untuk memberitahu kedatangannya ke rumah Ariana
  - D untuk membalas surat Ariana

- ii. Pada tahun bilakah Ariana berkunjung ke rumah Zaleha buat pertama kalinya?
- A 1998
  - B 1999
  - C 2000
  - D 2001
- iii. Kata seerti bagi kata keenakan ialah...
- A kesedapan.
  - B kebaikan.
  - C keharuman.
  - D kemanisan.
- iv. Rangkaian kata-kata berbudi kepada Bumi yang terdapat dalam petikan bermaksud...
- A berbakti kepada negara.
  - B berusaha di tanah air sendiri.
  - C bercucuk tanam.
  - D berjasa kepada keluarga.
- v. Pilih pernyataan yang tidak benar.
- A Ariana merupakan rakan sekampung Zaleha.
  - B Amalan bercucuk tanam merupakan amalan yang amat berfaedah.
  - C Pokok buah-buahan di dusun ayah Zaleha sedang lebat berbuah.
  - D Ariana turut menyumbangkan tenaga mengerjakan dusun ayah Zaleha.

(iv) Baca petikan di bawah kemudian jawab soalan-soalan berikutnya.

(5 Markah)

Rumah batu dua tingkat itu benar-benar sepi bagaikan rumah yang baru ada kematian. Ini sungguh mencemaskan Murni. Serta merta dia memandang wajah ibunya yang berbaring di katil buruk tidak jauh dari bangku duduknya. Ibunya belum lagi. Memang susah ibu tua itu melelapkan matan. Kadang-kadang hingga hampir pagi baru dia memejamkan mata. Penyakit itu baru sahaja menimpa ibu Murni. Bermacam-macam masalah bersarang dalam otak gadis kecil ini. Persoalan-persoalan yang sedia ada belum lagi dapat diselesaikannya.

Otaknya sedang bekerja keras, bagaikan hendak pecah tempurung kepalanya. Soal berhenti sekolah dan mencari kerja sebagaimana yang dicadangkan oleh Mak Atun, orang gaji Encik Haris yang baru itu sudah diputuskan. Namun hatinya berat untuk meninggalkan tangga Maktab Melayu yang mempunyai sejarah dalam hidupnya. Keadaan memaksa dia membuat keputusan itu kerana kesihatan ibunya amat memerlukan pengorbanan daripadanya. Dia sakit sekarang. Dia memerlukan ubat. Dia memerlukan makanan yang baik-baik. Dia memerlukan rehat secukupnya.

Inilah yang menyebabkan Murni selalu mencurahkan air mata dan bertekad untuk mencari kerja. Tetapi keputusannya itu belum disampaikannya kepada ibu. Dia bimbang ibunya yang sedang terlantar di katil usang di sudut bilik kecil rumah Encik Haris itu terkejut. Selama ini ibu tua itulah yang mendorong dia belajar supaya sampai ke universiti seperti anak-anak rumah itu.

“Kenapa mak belum tidur lagi?”

Ibu tua itu tersenyum nipis, kemudian menjawab, “Bukan aku sengaja tak mahu tidur, Murni.”

“Kurang tidur mengganggu kesihatan mak”.

“Emak terlalu banyak berfikir agaknya.”

“Entahlah, Murni. Mak ni sakit. Kau bersekolah. Mana mak nak mencari duit untuk belanjamu? Emak kasihan melihatmu. Emak sedih tak dapat memenuhi tanggungjawab emak” Kata -kata itu mati di situ sahaja. Hatinya terbuku. Murni tunduk. Tidak disedarinya air jernih sudah membasahi pipinya. Entah kenapa sejak akhir-akhir ini air jernih yang panas itu mudah benar keluar. Kata -kata ibunya sungguh mengusik hati. Betapa mulianya hati ibu. Betapa besarnya pengorbanan ibu. Betapa luhurnya hati ibu.

- i. Di mana Murni dan ibunya tinggal?
- A Rumah pusaka ibunya
  - B Bilik kecil rumah Haris
  - C Bilik sewa berhampiran rumah Encik Haris
  - D Rumah peninggalan ayahnya
- ii. Berikut adalah punca-punca ibu Murni sukar untuk melelapkan mata kecuali
- A memikirkan masalah Murni
  - B memikirkan penyakit yang dihadapinya
  - C memikirkan masalah kewangan yang dihadapinya
  - D takut akan kehilangan Murni
- iii. Pada pendapat anda, apakah tindakan Murni untuk mengatasi masalahnya, berpandukan teks
- A Meminjam wang dari Encik Haris
  - B Berhenti sekolah untuk bekerja
  - C Hanya berserah kepada Tuhan
  - D Mengambil alih tugas ibunya sebagai pembantu rumah di rumah Encik Haris
- iv. Berdasarkan petikan cerita, Murni adalah seorang yang
- A mementingkan diri sendiri
  - B mudah berputus asa
  - C berpendirian tegas
  - D bertanggungjawab

v. Rangkai kata sungguh mengusik dalam petikan di atas bermaksud

- A menyentuh perasaan
- B memendam rasa
- C mencuit hati
- D mudah terasa hati

### Bahagian B

[ 20 Markah ]

#### SOALAN 2

- (i) *Baca petikan tersebut dengan teliti. Kemudian tulis satu ringkasan mengenai punca-punca tekanan dalam kehidupan. Panjang ringkasan anda hendaklah tidak lebih 80 patah perkataan. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan.*

(5 Markah)

Penduduk dunia semakin tertekan! Perkara ini bukan lagi satu persoalan benar atau tidak tetapi lebih kepada perbandingan berapa teruk tahap tekanaatau stres yang dihadapi rakyat sesebuah negara. Tekanan di rumah, di tempat kerja, dan bermacam bentuk tekanan lain dilihat semakin bertambah di kala mencapai kemajuan dan kemodenan.

Agak mustahil bagi seseorang itu hidup tidak menghadapi tekanan kerana semua perkara dalam hidup seharian meninggalkan sedikit kesan kepada kemampuan menyesuaikan diri dengan bermacam keadaan yang dihadapi. Ketegangan jelas kelihatan di seluruh dunia kini akibat bermacam punca, dari bencana alam, peperangan sehinggalah kepada kos makanan. Dunia menghadapi perubahan mendadak cuaca, terlalu panas atau terlalu sejuk, yang turut membawa bermacam bencana alam. Tidak cukup dengan perkara semula jadi, perbuatan manusia menambahkan lagi bebanan dengan bermacam krisis dan skandal. Pencemaran, krisis bekalan makanan, naik turun harga minyak dan keperluan asas (air, elektrik), harga barang melambung, skandal pencemaran produk makanan, krisis ekonomi dan kini peningkatan pengangguran.

Tidak cukup dengan itu, masih ada yang berselera berperang atau menghalalkan serangan terhadap penduduk awam. Sia-sia dan menyakitkan hati. Melainkan peperangan, krisis dan skandal serupa turut melanda negara kita.

Hasil bermacam cabaran yang perlu dihadapi kini, semakin banyak kejadian „tekanan melampau“ dapat dilihat dalam paparan berita. Gejalanya mudah dikesan, dari tindakan melepas


geram di khalayak ramai, cara pemanduan di jalan raya, gaya pertuturan dan juga cara berkomunikasi, terutamanya di kaunter-kaunter perkhidmatan.

Bagaimanapun, perlu diingat rakyat Malaysia juga menghadapi tekanan tinggi dalam memahami dan menyesuaikan diri dengan bermacam perkara yang berlaku secara berturut-turut. Bersamalah kita kembalikan ketenangan dan keceriaan hidup, bukan hanya untuk diri dan keluarga, malahan untuk semua yang menggelar Malaysia „tanah tumpah darah“.

Dipetik dan diubahsuaikan daripada  
„Punca-Punca Tekanan dalam Kehidupan“  
Mohd Izranuddin Jelani - Fokus, April 2006

- (ii) *Gambar di bawah menunjukkan salah satu tempat bersejarah yang terdapat di Malaysia. Huraikan pendapat anda kepentingan memelihara khazanah bersejarah negara. Panjang huraian anda hendaklah tidak melebihi 150 patah perkataan.*

*(5Markah)*



- (iii) Tulis sebuah karangan tentang **salah satu** daripada perkara di bawah. Panjang karangan anda hendaklah tidak melebihi 150 patah perkataan.

(10Markah)

- iii(a) Anda ialah setiausaha sebuah jawatankuasa perumahan di tempat tinggal anda. Tulis sepucuk surat kepada TNB untuk mengadukan masalah elektrik yang melanda di kawasan perumahan anda.
- iii(b) Bencana alam seperti kejadian banjir kilat dan tanah runtuh sering berlaku. Bincangkan kesan-kesan berlakunya bencana tersebut.

**Bahagian (C)**

**[20 Markah]**

**SOALAN 3**

Ayat-ayat di bawah ini  **mungkin betul atau mungkin salah**. Tandakan **A, B, atau C** jika ayat itu mempunyai kesalahan dan tandakan **D** jika tiada kesalahan.

(5Markah)

- i. Para pemimpin menggesa rakyat menyokong proses mempercepatkan  
A B C  
pemulihan ekonomi. Tiada kesalahan  
D
- ii. Majlis sebulat-bulat suara membuat keputusan untuk membantah cadangan  
A B C  
kerajaan itu. Tiada kesalahan.  
D
- iii. Majikan yang pernah berhentikan pekerja akan mengalami kesukaran  
A B  
mendapatkan tenaga kerja. Tiada kesalahan  
C D
- iv. Pada zaman gawat seperti ini, kaum belia patut merebut apa sahaja peluang  
A B C  
pekerjaan yang ada. Tiada kesalahan  
D



- ii. Pelajar yang berdisiplin sentiasa mengamalkan \_\_\_\_\_ yang baik.
- A Tatasusila
  - B Tatabahasa
  - C Tatanama
  - D Tatanegara
- iii. Perdana Menteri menyatakan bahawa \_\_\_\_\_ akan melawat negara Perancis pada akhir bulan ini.
- A Dia
  - B Saya
  - C Beliau
  - D Baginda
- iv. \_\_\_\_\_ tuan-tuan memberikan kerjasama kepada petugas kami.
- A Sila
  - B Harap
  - C Jemput
  - D Mari
- v. Telur burung itu baru \_\_\_\_\_ pagi tadi.
- A Menetas
  - B Merekah
  - C Memecah
  - D Mengeram

- vi. Ramli \_\_\_\_\_ menyertai Pertandingan Rekacipta semasa di sekolah rendah.
- A Akan
  - B Pernah
  - C Hendak
  - D Belum
- vii. Aktiviti gotong-royong membersihkan sungai itu telah diadakan \_\_\_\_\_ hari Sabtu yang lalu.
- A Di
  - B Pada
  - C Ke
  - D Kepada
- viii. Kakak Aminah terpilih sebagai \_\_\_\_\_ tercantik semasa memperagakan pakaian itu.
- A Seniwati
  - B Peragawati
  - C Peragawan
  - D Olahragawan
- ix. Halil dan Farid bermain \_\_\_\_\_ padang sebelum pulang ke rumah.
- A di tepi
  - B di tengah
  - C di antara
  - D di sisi

x. Puan Halimah memberikan se \_\_\_\_\_ rantai kepada anaknya.

- A Laras
- B Bentuk
- C Utas
- D Urat

### SOALAN 5

*Pilih peribahasa atau maksud peribahasa yang paling sesuai bagi pernyataan-pernyataan yang berikut*

(5Markah)

i. Walaupun telah berunding selama lima jam, mereka masih belum mendapat \_\_\_\_\_ bagi menyelesaikan masalah yang rumit itu.

- A jalan keluar
- B jalan belakang
- C jalan pintas
- D jalan tengah

ii. Rahman merupakan \_\_\_\_\_ pasukan Harimau. Tidak hairanlah segala kemahuannya dituruti.

- A tulang belakang
- B keras tulang
- C ringan tulang
- D tulang empat kerat

- iii. Tetamu yang baru dikenali itu diterima oleh keluarganya dengan\_\_\_\_\_
- A cepat tangan
  - B bekas tangan
  - C tangan sejuk
  - D tangan terbuka
- iv. Pejuang Kemerdekaan sanggup berjuang sehingga ke titisan darah terakhir kerana\_\_\_\_\_.
- A Biar mati anak, jangan mati adat
  - B Biar putih tulang, jangan putih mata
  - C Biar pecah di perut, jangan pecah di mulut
  - D Biar terselak kain, jangan tersalah cakap
- v. Perselisihan faham antara Richard dengan adiknya tidak lama kerana\_\_\_\_\_.
- A Air pun ada pasang surutnya
  - B Air yang tenang jangan disangka tiada buaya
  - C Air dicincang takkan putus
  - D Alah bisa tegal biasa

**Bahagian D**

**[20 Markah]**

**Bahagian ini terdiri daripada empat bahagian soalan. Anda dikehendaki menjawab semua soalan.**

**Soalan 6**

***Berdasarkan pantun di bawah, jawab soalan-soalan yang berikutnya.***

**(5 Markah)**

**SYAIR TENAGA PEMUDA**

Tenaga pemuda kalau diasuh,  
Pimpin dan didik kotor dibasuh,  
Tidaklah ia menjadi lusuh,  
Amat berguna menentang musuh.

*Tenaga* pemuda memang terbilang,  
*Tenaga* yang sedang gilang-gemilang,  
Beban yang berat dapat dijulang,  
Benda yang jauh dapat dijulang.

Tenaga pemuda tenaga bererti,  
Tenaga yang berani menempah mati,  
Tidak mengenal erti nanti,  
Hanya penuh kemahuan mesti.

Tenaga pemuda mestilah sayang,  
Jangan dibiarkan lemah dan goyang,  
Di waktu muda tenaga kencang,  
Berani sampai berputih tulang.

Tenaga pemuda kalau dijaga,  
Kelak akhirnya sangat berharga,  
Tenaga yang menjadi harapan bangsa,  
Gagah berani mempertahankan negara,

*( Antologi Anak Bumi Tercinta, DBP, 2001*

- i. Maksud rangkap ketiga puisi di atas
- A Sesebuah negara hendaklah menjaga tenaga pemuda demi keamanan negara.
  - B Golongan pemuda mempunyai tenaga yang kuat. Mereka sangat gagah dan berani.
  - C Tenaga pemuda sangat penting untuk pembangunan negara. Mereka juga mestilah berani dan sanggup berjuang untuk mencapai cita-cita.
  - D Pemuda mesti sayang akan diri sendiri. Mereka hendaklah menjauhi daripada melakukan perkara-perkara yang boleh membinasakan diri.

- ii. Bilakah golongan pemuda yang berpendidikan penting kepada negara?

- A ketika bekerja bersungguh-sungguh
- B ketika negara huru-hara
- C ketika menjadi pemimpin
- D ketika melakukan kerja berat

- iii. Mengapakah tenaga pemuda sangat tinggi nilainya?

- A kerana dapat mempertahankan negara
- B kerana menjadi sandaran rakyat
- C kerana memiliki tenaga yang kuat
- D kerana menentukan kejayaan negara

- iv. Apakah maksud, Tidak mengenal erti “nanti” Hanya penuh kemahuan “mesti”

- A Sanggup menjalankan sebarang kerja
- B Tidak suka menangguhkan kerja
- C Melakukan kerja sehingga selesai
- D Membuat kerja dengan bersungguh-sungguh

v. Dalam rangkap kelima, disarankan supaya kita

- A menyayangi tenaga pemuda
- B menyemai cita-cita semasa muda
- C memenuhi keinginan semasa muda
- D jangan mensesiakan usaha pemuda

## SOALAN 7

*Baca petikan di bawah dengan teliti dan kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.*

**(5Markah)**

Waktu itu Mak Ngah Jenab peluk emak. Tangan emak telah terlepas daripada tali sauh yang dipegangnya. Kak Jarah memegang birai telaga dengan kedua-dua belah tangannya. Emak mula menangis. Nampak kepala Matain melepek dengan lumpur. Pak Cik Bakar dan Pak Ngah Isa sambut Matain daripada belakang Mat Daud. Pak Cik Isa lalu memegang kedua-dua belah kaki Matain di atas bahu dan membiarkan kepala terkulai di atas belakangnya.

Kemudian Pak Cik Isa membawa berlari keliling. Ada air keluar dari mulut Matain dan mengalir atas punggung Pak Ngah Isa. Kemudian Pak Ngah Isa letak Matain telentang di atas rumput dekat telaga. Pak Ngah Isa sedut nafas dengan mulut daripada mulut Matain. Majid cuba mengangkat lengan Matain ke atas dan ke bawah seperti yang dipelajari di sekolah. Kemudian Matain ditiarapkan pula.

Sedu emak dan sedu Kak Jarah bertambah kuat.

Kedua-dua berdiri memerhati usaha jiran-jiran untuk memulihkan Matain. Tubuh yang masih panas dan masih lembik seperti memberikan harapan kepada orang-orang yang ada bahawa Matain akan pulih. Kemudian Pak Cik Bakar memegang kedua-dua belah pergelangan tangan Matain.

“Sudah tidak ada lagi.”

Pak Cik Bakar menggeleng-geleng. Pak Cik Isa pula memegang tangan Matain. Dan merasakannya beberapa ketika dengan mata tidak berkelip-kelip.

“Ya, sudah tidak ada lagi.”

Emak dan Kak Jarah meraung sekuat hati. Beberapa orang perempuan juga mula menghisap hingus masing-masing. Setiawa hanya memandang dengan rasa tidak percaya kepada Matain yang terlentang di atas rumput. Kemudian Matain diangkat oleh Pak Cik Bakar ke atas rumah. Tangisan emak dan Kak Jarah mengiringi setiap langkah Pak Cik Bakar. Emak teringat akan gulai ikan keli di dalam periuk untuk makan malam.

“Pak Cik Amat buat rumah di mana, Mak Cik Esah?” Majid baru teringat kepada bapak Matain.

“Di Kampung Sirih, dekat kilang gergaji... rumah Yassin tauke batik.”

Majid segera pulang ke rumah dan pakai baju. Kemudian Majid kayuh basikal dengan pantas menuju ke jalan besar. Bapak pulang. Abang Jali pulang. Kedua-duanya disambut dengan kemenyan yang semerbak menerawang ke muka pintu, dan orang-orang perempuan yang bertenggekan di bendul dengan mata dan hidung yang merah.

(Dipetik daripada cerpen Anak Bumi Tercinta, DBP, 2001)

- i. Frasa menghisap hingus masing-masing membawa maksud...
  - A berasa selsema
  - B menahan kesedihan
  - C menangis tersedu – sedu
  - D keadaan diri yang tidak sihat
- ii. Yang berikut merupakan pertolongan cemas untuk memulihkan Matain, kecuali ...
  - A Matain dibawa ke hospital
  - B Matain ditiarapkan di atas rumput.
  - C Majid mengangkat lengan Matain ke atas dan ke bawah.
  - D Pak Ngah Isa menyedut nafas dengan mulutnya daripada mulut Matain
- iii. Latar tempat semasa Pak Ngah Isa mencuba memulihkan Matain ialah...
  - A berhampiran dengan sungai
  - B di atas rumah Mak Cik Esah
  - C di kawasan sekolah
  - D dekat dengan telaga

- iv. Ayat "Sudah tidak ada lagi." yang digunakan dalam petikan merupakan contoh bagi...
- A sinkof
  - B metafora
  - C pengulangan
  - D Perlambangan
- v. Antara yang berikut, yang manakah bukan latar masyarakat yang terdapat dalam cerpen Anak Bumi Tercinta?
- A Masyarakat yang beragama Islam.
  - B Masyarakat yang tidak suka menolong.
  - C Masyarakat Melayu yang tinggal di kampung.
  - D Masyarakat yang bekerja sebagai petani, pekebun dan tukang rumah.

#### SOALAN 8

- i. Apakah tema sajak Usia ?  
..... (2 Markah)
- ii. Apakah gaya bahasa yang digunakan dalam sajak Usia?  
..... (2 Markah)
- iii. Nyatakan dua pengajatan yang terdapat dalam sajak Usia ?
- a).....
  - b)..... (2 Markah)

### SOALAN 9

Berdasarkan kajian Antologi Anak Bumi Tercinta huraikan tiga latar yang terdapat dalam prosa tradisional “ *Patung Kencana dari Kuripan*” .

(4 Markah)

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

KERTAS SOALAN TAMAT